

SKIM PINJAMAN BOLEH UBAH YAYASAN TERENGGANU BAGI PELAJAR LEPASAN SPM

**PROGRAM : SKIM PINJAMAN BOLEH UBAH PERINGKAT IJAZAH
PERTAMA TAHFIZ AL QURAN WAL QIRAAT**

PUSAT PENGAJIAN : WISE UNIVERSITY, JORDAN

Syarat Kelayakan:

- ✓ Lulus SPM dengan mendapat Gred A (A+ A dan A-) sekurang-kurangnya dalam **lima (5) mata pelajaran** termasuk **Bahasa Melayu, Bahasa Arab atau Turath Bahasa Arab, Pendidikan Al Quran & Sunnah atau Turath Al-Quran Al-Sunnah atau Hifz Quran / Maharat Al-Quran, Pendidikan Islam atau Pendidikan Syariah Islamiah atau Turath Dirasat Islamiah dan mana-mana satu mata pelajaran lain serta khatam hafazan 30 juzuk.**
- ✓ Mendapat Surat Tawaran / Sijil Sokongan Luar Negara (*No Objection Certificate*) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).
- ✓ Pelajar perlu mengemukakan permohonan secara atas talian melalui pautan <https://studyiniordan.io/isaapp/ISALoginEN.aspx>

PERMOHONAN

Permohonan perlu dikemukakan secara atas talian (on-line) menerusi
ytpenajaan.terengganu.gov.my

Borang permohonan mesti dilengkapkan dengan memuatnaik (upload) semua dokumen yang diperlukan.

TEMUDUGA

Hanya calon-calon yang layak disenarai pendek akan dipanggil menduduki Temuduga yang dikendalikan oleh Yayasan Terengganu.

KEPUTUSAN TAWARAN

Penawaran biasiswa/pinjaman kepada pemohon yang berjaya akan dipertimbangkan **berdasarkan kuota, merit, temuduga dan kelulusan** Mesyuarat Jawatankuasa Tajaan & Transformasi Pendidikan dan Pembangunan Pendidikan Yayasan Terengganu.